

17/02/1997

Jangan keterlaluan lindungi hidupan liar (HL)

Salina Abdullah

PUCHONG, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur pihak tertentu supaya jangan bersikap keterlaluan dalam memelihara hidupan liar sehingga menimbulkan masalah kepada manusia.

Perdana Menteri berkata, setiap kegiatan pembangunan yang dijalankan perlu seimbang dengan usaha melindungi atau memelihara hidupan liar.

Sambil menegaskan kerajaan negeri harus menyediakan peruntukan bagi melindungi hidupan liar, beliau bagaimanapun mengingatkan agar usaha itu tidak mengabaikan kebajikan manusia kerana manusia juga perlu dipelihara dan dilindungi.

"Kita perlu seimbangkan di antara pembangunan dan usaha melindungi hidupan liar. Jika kita mahu melindungi hidupan liar ini sampai kita tak dapat hidup, susahlah.

"Memang elok kalau kita nak pelihara dan lindungi hidupan liar ini tapi kalau sampai kena makan dengan harimau, kita tak akan cakap 'saya memelihara hidupan liar'," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis rumah terbuka sempena Aidilfitri Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman di sini, hari ini.

Dr Mahathir mengulas laporan New Sunday Times mengenai rayuan pakar hidupan liar terhadap kerajaan negeri supaya menjaga hidupan liar atau hutan yang dihuni banyak hidupan liar bagi memastikan haiwan itu tidak pupus atau berpindah.

Pakar hidupan liar semalam berkata, alasan kerajaan negeri untuk menggantikan hutan simpan dengan tanah lain sebagai habitat haiwan liar tidak membantu menyelesaikan masalah kepupusan kerana spesies tertentu haiwan liar tidak dapat hidup apabila berpindah kawasan.

Pakar terbabit ialah Pengerusi Persatuan Zoologi Malaysia, Tan Sri V M Hutson, yang mengasaskan Zoo Negara 35 tahun lalu; Ketua Unit Pentadbiran Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara, Sivananthan Elagupillay; dan Dekan Pengajian Sains Biologi Universiti Sains Malaysia, Professor Madya Dr Ho Sinn Chye.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, pembinaan taman bagi melindungi hidupan liar memerlukan perbelanjaan yang besar.

Oleh itu, Dr Mahathir berkata, pihak terbabit termasuk rakyat harus bersedia memenuhi keperluan itu atau membenarkan kerajaan membelanjakan wang untuk perkara itu saja.

"Masalahnya, semuanya kita hendak. Jalan, kampung, bangunan serta macam-macam lagi tetapi pada masa yang sama minta kerajaan lindungi hidupan liar ini dan sediakan taman.

"Taman memerlukan wang yang banyak. Kita boleh adakan tetapi rakyat jangan merungut jika tidak dapat pelbagai kemudahan lain yang turut memerlukan peruntukan kerajaan. Wang kita terhad," katanya.

Mengulas mengenai haiwan pupus, Mahathir berkata, kepupusan banyak berlaku di negara lain seperti Eropah tetapi tidak di negara ini.

(END)